



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



TAHAP PENGUASAAN KEFAHAMAN BAHASA MELAYU
RESPONDEN PERANAKAN PAKISTAN: PENGARUH MINAT,
SIKAP, MOTIVASI DAN PERSEKITARAN

*THE STAGE OF UNDERSTANDING MALAY LANGUAGE OF THE PAKISTANI
STUDENTS: THE INFLUENCE OF INTEREST, CHARACTER, MOTIVATION AND
SURROUNDING FACTOR*

Mohammad Syawal Narawi^{1*}, Mardzelah Makhsin², Nor Hasimah Ismail³

¹ School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: syawal@uum.edu.edu.my

² School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mazfaniy@uum.edu.edu.my

³ School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: nhsimah@uum.edu.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.06.2021

Revised date: 15.06.2021

Accepted date: 02.09.2021

Published date: 09.09.2021

To cite this document:

Narawi, M. S., Makhsin, M., & Ismail, N. H. (2021). Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden Peranakan Pakistan: Pengaruh Minat, Sikap, Motivasi Dan Persekitaran. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 345-363.

DOI: 10.35631/IJEPC.642028.

Abstrak:

Pengajaran bahasa Melayu yang bermutu dan berkesan amat penting dalam menjamin penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam konteks pendidikan. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Ini kerana dalam pembelajaran bahasa, responden sering menghadapi masalah untuk memahami sesuatu perkara yang diterangkan oleh guru dalam bahasa yang dipelajari sebagai bahasa kedua. Menyadari akan hakikat tersebut, maka satu kajian dilakukan tentang penguasaan kefahaman bahasa Melayu sebagai bahasa kedua responden. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tentang pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan 6 orang responden peranakan Pakistan di sebuah sekolah menengah di bahagian Bintulu, Sarawak. Antara kaedah yang digunakan ialah menggunakan borang soal selidik, pemerhatian dan semakan dokumentasi. Dapatan kajian memperlihatkan faktor efektif seperti minat, sikap, motivasi, dan faktor persekitaran berkait rapat dalam mempengaruhi tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Kata Kunci:**

Pengajaran bahasa Melayu, Responden peranakan Pakistan, Minat, Sikap, Motivasi

Abstract:

Malay language teaching quality and efficiency are very important in ensuring the control and use of the Malay language in the context of education. There are several factors affecting the mastery of Malay as a second language. This is because, in language learning, students often face problems in understanding something that is explained by the teacher in the language being learned as a second language. Recognizing this, a study was done on the understanding mastery of Malay as a second language students. This study aims to identify the influence of interests, attitudes, motivation, and the environment on the understanding of the Malay language proficiency of students. This study uses quantitative and qualitative methods involving 6 Pakistani's students in a secondary school in Bintulu, Sarawak. Among the methods used are using questionnaires, observations, and documentation review. The findings show effective factors such as interest, attitudes, motivation, and environmental factors are closely related in influencing the level of understanding of Malay students.

Keywords:

Malay Language Teaching, Pakistani's Students, Interest, Attitudes, Motivation

Pengenalan

Responden-responden peranakan Pakistan merupakan sekelompok responden minoriti yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bintulu, Sarawak. Responden-responden ini merupakan responden berdarah campuran Pakistan. Darah kacukan Pakistan mereka sama ada menerusi sebelah bapa atau sebelah ibu dan datuk. Memandangkan mereka berdarah campuran maka pelbagai bahasa pertuturan yang digunakan oleh mereka di rumah. Oleh yang demikian, sudah tentu mereka menghadapi kesukaran dalam menguasai bahasa Melayu dengan sempurna dan turut menjejaskan prestasi pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam bahasa Melayu mereka. Atas alasan ini, maka satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kefahaman responden-responden peranakan Pakistan yang dipilih sebagai responden. Responden-responden peranakan Pakistan merupakan penutur bahasa kedua berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap mereka. Responden ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan kedua semasa berada di rumah. Bahasa Melayu merupakan bukan bahasa pertama bagi mereka maka sudah tentu mereka menghadapi masalah dalam menguasai Bahasa berkenaan sama ada kemahiran membaca atau pun menguasai kefahaman Bahasa Melayu secara langsung. Menurut Khairul Nizam (2017), faktor persediaan responden untuk mempelajari dan menerima Bahasa Melayu dalam diri responden bukan penutur jati mampu mempengaruhi penguasaan kemahiran mereka. Menurut Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri, & Rosliah Kiting (2020), sikap positif terhadap bahasa Melayu dan motivasi responden bukan penutur jati dalam mempelajari bahasa Melayu harus dipupuk dari semasa ke semasa agar bahasa Melayu terus dihargai, dipelihara dan berkembang seiring dengan kemajuan negara. Kajian ini akan membincangkan tentang tahap, minat, sikap, motivasi, dan faktor persekitaran yang mempengaruhi penguasaan kefahaman bahasa Melayu bagi responden peranakan Pakistan dari segi sikap mereka terhadap penguasaan bahasa tersebut. Sikap yang

ditunjukkan oleh responden ini menentukan tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu mereka. Sikap yang dinyatakan bermaksud sikap yang berkaitan dengan perasaan atau fikiran mengenai seseorang terutamanya jika mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Sorotan Kajian

Kajian tentang tahap penguasaan bahasa pertama atau penguasaan bahasa kedua telah banyak dilakukan oleh penyelidik bahasa sama ada dari dalam dan dari luar negara. Hasil kajian tersebut banyak diterbitkan dalam jurnal bahasa dan buku ilmiah. Dalam bahagian ini dihuraikan beberapa kajian yang berkaitan dengan penguasaan bahasa pertama, penguasaan bahasa kedua, kajian tentang kefahaman bahasa, kajian tentang sikap dan motivasi dalam penguasaan bahasa yang telah dijalankan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji dari luar negara.

Penguasaan Bahasa

Ahmed Hafizainol Bin Ahmed Adris & Karim Bin Harun. (2020), telah mengkaji tentang Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand. Kajian dilakukan terhadap 10 orang pelajar tingkatan enam iaitu 10 sampel ujian karangan di mana sepuluh pelajar ini telah dipilih oleh pengkaji atas bantuan guru bahasa Melayu di sekolah tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang dipilih untuk menjalankan kajian ini berada pada tahap penguasaan bahasa Melayu yang tidak memuaskan. Berdasarkan pemerhatian, pelajar-pelajar ini telah gagal menjalankan ujian karangan dengan baik. Kelemahan dilihat jelas daripada aspek morfologi, aspek sintaksis mahupun aspek ortografi terhadap sampel karangan bahasa Melayu dengan baik. Kajian berkenaan menggunakan ujian karangan untuk mendapat data. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ini memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar ini perlu lebih diberi tunjuk ajar oleh guru bahasa Melayu. Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah & Madeline Pandang (2020), telah menjalankan kajian tentang Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. Kajian dijalankan di sebuah tabika di daerah Julau, Sarawak yang memfokuskan kajian kes terhadap dua orang kanak-kanak perempuan Iban berumur empat. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan lagu Didi & Friends berkesan dalam membantu kanak-kanak Iban menguasai kosa kata Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, penggunaan lagu Didi & Friends sebagai kaedah pengajaran kosa kata Bahasa Melayu memberi impak yang positif terhadap kanak-kanak dan penerimaan guru tentang lagu ini. Bukan sahaja lagu Didi & Friends mampu meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak malah ia juga mampu membantu penguasaan kosa kata dan pembelajaran bahasa yang berkesan bagi kanak-kanak Iban yang bukan penutur natif Bahasa Melayu. Zulkifley Hamid, Karim Harun & Sa'adiah Ma'alip, (2000) telah membuat kajian tentang Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua. Zulkifley dan rakan-rakan telah membuat penyelidikan di tiga jenis sekolah yang mengajar bahasa Melayu dengan status kebahasaan yang berlainan. Ketiga-tiga jenis sekolah tersebut ialah Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) yang rata-rata pelajarannya terdiri daripada pelajar Melayu dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(C)) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK(T)). Bahasa Melayu di SRJK(C) dan SRJK(T) dipelajari sebagai bahasa kedua. Dapatan penyelidikan tersebut memperlihatkan beberapa kenyataan yang melatari program pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu di Malaysia, iaitu terdapat perbezaan yang jelas antara penutur bahasa pertama dengan penutur bahasa kedua. Perbezaan ini wujud sejak awal kehidupan dan berterusan hingga peringkat akhir sekolah rendah. Dapatan turut memperlihatkan bahawa perancangan dan persekitaran yang positif dapat meningkatkan tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu. Kenyataan ini dapat dilihat pada pencapaian para pelajar SRJK (C) dan SRJK (T). Kemudahan dan persekitaran yang lebih positif yang

wujud di SRJK (C) berbanding dengan yang terdapat di SRJK (T) menyebabkan para pelajar SRJK(C) mencapai tahap penguasaan bahasa yang lebih baik berbanding dengan para pelajar SRJK(T). Rumusan-rumusan tersebut jelas menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa kedua memerlukan proses pembelajaran dan pengajaran secara terancang. Rumusan-rumusan tatabahasa tidak diperoleh secara automatik, tetapi melalui proses pencarian, penemuan, pengalaman, dan pembentukan tabiat yang melibatkan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat formal.

Penguasaan Kefahaman Bahasa

Menurut Chew Fong Peng dan Fikri Ismail (2020), penguasaan Bahasa Melayu ini amat penting untuk kanak-kanak Iban memahami mesej yang disampaikan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Iban (bahasa ibunda) dan Bahasa Melayu (Bahasa kedua) bagi memastikan mereka boleh menerima keterangan akan sesuatu perkara tanpa tercicir informasi penting serta boleh menginterpretasikannya kepada masyarakat. Kanak-kanak yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik boleh berinteraksi dengan masyarakat dengan betul, berkesan dan tepat. Dayang dan Wan Ruzanna (2017) pula yang mendapati bahawa penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh masyarakat Iban merupakan satu masalah pembelajaran apabila bahasa ibunda yang dituturkan berlainan daripada Bahasa Melayu sekolah. Penguasaan kemahiran membaca mendukung makna kebolehan seseorang responden untuk membunyikan sesuatu perkataan, intonasi bacaan, unsur jeda dalam pembacaan dan kelancaran Bahasa yang betul. Membaca juga mampu meningkatkan aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan bacaan yang merupakan proses dinamik dalam diri seseorang responden (Abdul Rasid Jamian, 2011). Menurut Zulkifley Hamid (1994), hanya dengan usaha yang gigih kita mampu memahami beberapa bahagian penting daripada apa yang cuba disampaikan atau difahamkan oleh sesebuah teks; selalunya akan ada bahagian-bahagian yang tidak terjangkau oleh daya pemahaman kita. Jeniri Amir dan Aishah Zaharah Ali (1989) turut menyatakan bahawa kefahaman adalah satu proses mental dan emosi sehingga dapat mempengaruhi tingkat kefahaman seseorang. Untuk itu, banyak faktor yang mempengaruhi kefahaman seperti kecerdasan, pengalaman atau pengetahuan, mekanis bacaan, minat dan kemahiran-kemahiran pembelajaran yang lain.

Sikap dan Motivasi

Tay Meng Guat (2016) menyatakan bahawa dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap, kesediaan dan motivasi saling berkait. Para responden yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Banyak hasil kajian mendapati bahawa elemen motivasi memberikan sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua melibatkan peranan dua pihak, iaitu guru sebagai penyampai maklumat dan responden sebagai penerima maklumat. Faktor motivasi juga perlu dipandang serius dalam kajian yang melibatkan penggunaan SPB. Hal ini demikian kerana, motivasi merupakan faktor yang memberi tenaga dan momentum untuk seseorang pelajar bertindak sehingga menjadikan pembelajaran lebih aktif dan berkesan (Kamarul Shukri dan Mohamed Amin, 2010). Menurut Kamsiah Abdullah (2010), motivasi adalah satu konsep desakan (*drive*), iaitu satu keinginan yang lahir dari dalam diri sendiri. Motivasi juga merupakan faktor yang memberi tenaga dan momentum untuk seseorang pelajar bertindak sehingga menjadikan pembelajaran lebih aktif dan berkesan (Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi, 2010). Menurut Chye, Vijayalecthumy dan Haw (2013), para guru juga perlu memberi sokongan dan dorongan untuk menggalakkan pelajar lebih bermotivasi dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, pelajar yang mempunyai dorongan

motivasi yang tinggi dapat membantu mereka menguasai sesuatu bahasa (Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani, 2008). Brown (1980) semasa membincangkan kesan motivasi terhadap pembelajaran bahasa kedua mengatakan motivasi sering dinilai semasa menghuraikan kegagalan atau kejayaan melakukan sesuatu tugas yang sukar. Hal ini sebenarnya tidak keterlaluan kerana banyak kajian dalam bidang pembelajaran membuktikan motivasi sebagai kunci pembelajaran. Bagi pembelajaran bahasa kedua, Brown (1980) telah membahagikan motivasi kepada dua jenis, motivasi integrasi dan instrumental. Seseorang pelajar itu dikatakan bermotivasi integrasi kalau motif beliau mempelajari sesuatu bahasa kedua adalah bagi membolehkannya mengintegrasikan dirinya ke dalam masyarakat bahasa tersebut serta dapat mengidentifikasikan dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat tersebut. Seseorang itu pula dikatakan bermotivasi instrumental sekiranya tujuannya menguasai sesuatu bahasa kedua adalah untuk membolehkannya menggunakan bahasa tersebut untuk mencapai matlamat-matlamat yang lain daripada matlamat integrasi seperti untuk peningkatan dalam bidang kerjaya, membolehkannya membaca bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa tersebut, untuk usaha-usaha penterjemahan dan sebagainya. Gleitman (1986) semasa menghuraikan kepentingan sikap dalam menerbitkan dan mencorakkan sesuatu tingkah laku telah menerangkan sikap sebagai satu kombinasi yang terdiri daripada kepercayaan, tanggapan, penilaian dan sifat-sifat semula jadi yang menyebabkan seseorang itu bertindak dengan cara tertentu. Sikap terbina hasil daripada pengaruh sosial dan kadangkala boleh diwarnai dengan pelbagai emosi. Dua bentuk sikap yang amat penting dalam pembelajaran bahasa kedua ialah sikap terhadap bahasa yang hendak dipelajari dan sikap terhadap penutur-penutur bahasa yang hendak dipelajari (Theo J.M. Van Els & Mathieu F. Knops (1984). Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Jamali Ismail (1992) terhadap pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, didapati sikap pelajar terhadap penutur bahasa Inggeris tidak sebaik sikap mereka terhadap bahasa Inggeris itu sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa itu tidak semestinya sama dengan sikapnya terhadap penutur bahasa tersebut.

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah Sekolah Menengah di bahagian Bintulu, Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif yang diukur melalui proses pengukuran dengan menggunakan alat pengukuran seperti soal selidik manakala data kualitatif pula diperoleh dengan cara pemerhatian, temubual, analisis dokumen untuk mendapatkan data yang lengkap. Saiz sampel bagi kajian ini agak kecil iaitu seramai 6 orang responden peranakan Pakistan Tingkatan Lima yang dikenal pasti dan dipilih untuk mengetahui tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Responden peranakan Pakistan ini terdiri daripada 2 orang responden lelaki dan 4 orang responden perempuan yang berusia 17 belas tahun. Responden peranakan Pakistan ini menggunakan pelbagai bahasa pertuturan harian di rumah merangkumi bahasa Urdu, Melayu Sarawak, Melanau, Bidayuh, dan Inggeris. Pemilihan responden-responden ini bersesuaian dengan kajian penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi mereka. Data yang telah diperoleh daripada 6 orang pelajar peranakan Pakistan dari sebuah sekolah menengah di bahagian Bintulu, Sarawak dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan menggunakan program perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Untuk menentukan jumlah tahap penguasaan responden, jadual Bivariat : Tinggi, Sederhana, dan Rendah dibentuk secara manual. Skor 15 adalah untuk Tinggi, 10 untuk Sederhana, dan 5 untuk Rendah. Dapatan kajian ini dengan huraian yang terperinci juga dipaparkan menerusi jadual tentang sikap, motivasi, dan faktor persekitaran dalam bentuk jumlah dan peratusan. Data kualitatif pula dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif bagi melengkapkan maklumat tentang pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran terhadap penguasaan kefahaman

bahasa Melayu responden berdasarkan temubual terhadap guru bahasa Melayu dan pemerhatian terhadap responden.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Data kuantitatif ini meliputi aspek tahap, sikap, motivasi, dan faktor persekitaran yang mempengaruhi penguasaan kefahaman bahasa Melayu sebagai bahasa kedua responden. Maklumat yang dibincangkan merangkumi tentang tahap pemahaman dan penggunaan bahasa Melayu bagi responden, sikap responden terhadap kemudahan, bahan-bahan bacaan, cara dan usaha untuk memantapkan kefahaman bahasa Melayu. Perbincangan kajian ini juga akan menyentuh tentang motivasi iaitu perkara yang mendorong untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu termasuk ibu bapa, kemudahan, dan orang yang terdekat dengan responden yang boleh menjadi pendorong kepada responden.

Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa responden peranakan Pakistan mempunyai tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu yang berbeza-beza. Dapatan kajian ini ditunjukkan pada Jadual 1. Pada jadual itu dapat diperhatikan bahawa penguasaan bahasa Melayu responden diukur pada 3 Skala Tahap iaitu Skala Tahap Tinggi, Tahap Sederhana, dan Tahap Rendah. Tahap penguasaan bahasa diukur berdasarkan markah pencapaian pelajar. (Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2010). Sebanyak 100 % responden menyatakan mereka bertutur dalam bahasa Melayu sewaktu berada dalam kelas. Berdasarkan Skala Tahap Tinggi pada jadual tersebut, sebanyak 100 % responden didapati menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur dalam kelas, menggunakan ganti nama, pertuturan dalam bilik darjah, surat-menyurat secara biasa, penggunaan awalan dan akhiran bahasa Melayu serta penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Skala Tahap Tinggi menunjukkan bahawa responden menggunakan bahasa Melayu dalam tahap yang tinggi semasa bertutur dalam kelas, menggunakan ganti nama, pertuturan dalam bilik darjah, membuat surat menyurat secara biasa, penggunaan awalan dan akhiran bahasa Melayu dan penggunaan penjodoh bilangan.

Hal ini menunjukkan bahawa responden mahir dalam penggunaan bahasa Melayu dalam aspek-aspek tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak ada langsung responden menggunakan bahasa Melayu semasa penghasilan puisi dalam bahasa Melayu, leksikon, dan penggunaan istilah pada Skala Tahap Tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa responden belum lagi menguasai aspek-aspek tersebut dengan baik. Berdasarkan kajian pada Skala Tahap Sederhana menunjukkan bahawa 83.3 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa membuat ucapan yang sekali gus memaparkan bahawa majoriti responden dalam tahap sederhana membuat ucapan dalam bahasa Melayu.

Bagi Skala Tahap Rendah sebanyak 66.7 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa penghasilan puisi dalam bahasa Melayu, 50 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa penggunaan istilah, 33.3 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa menggunakan leksikon manakala 16.67 % pula responden menggunakan bahasa Melayu semasa membuat surat menyurat secara rasmi, penyusunan ayat-ayat bahasa Melayu, sebutan, gaya bahasa, peribahasa, simpulan bahasa, sinonim, dan antonim.

Sebanyak 66.7 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa penghasilan puisi pada Skala Tahap Rendah. Hal ini menunjukkan bahawa responden berada pada tahap rendah dalam penghasilan puisi dan melambangkan mereka masih kurang mahir dalam penghasilan puisi

bahasa Melayu. Dalam penggunaan bahasa Melayu semasa penggunaan kata istilah menyaksikan separuh daripada responden berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa responden masih lemah dalam penggunaan kata istilah dalam bahasa Melayu.

Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Jadual 1: Jumlah Dan Peratusan Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Soalan Tentang Tahap	Tinggi		Sederhana		Rendah	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Petikan / teks ucapan	4	66.7	2	33.3	0	0
Bertutur dalam kelas	6	100	0	0	0	0
Berbincang	4	66.7	2	33.3	0	0
Membuat ucapan	1	16.7	5	83.3	0	0
Penyebutan bunyi-bunyi Bahasa Melayu	4	66.7	2	33.3	0	0
Menggunakan ganti nama	6	100	0	0	0	0
Penghasilan puisi	0	0	2	33.3	4	66.7
Penghasilan cerita	4	66.7	2	33.3	0	0
Pertuturan dalam bilik darjah	6	100	0	0	0	0
Perbincangan dalam kumpulan	4	66.7	2	33.3	0	0
Ucapan secara spontan	2	33.3	4	66.7	0	0
Surat-menyurat secara rasmi	5	83.3	0	0	1	16.7
Surat-menyurat secara biasa	6	100	0	0	0	0
Penyusunan ayat-ayat	2	33.3	3	50	1	16.7
Penggunaan awalan dan akhiran	6	100	0	0	0	0
Penggunaan penjodoh bilangan	6	100	0	0	0	0
Sebutan	5	83.3	0	0	1	16.7
Leksikon	0	0	4	83.3	2	33.3
Gaya bahasa	2	33.3	3	50	1	16.7
Peribahasa	4	66.7	1	16.7	1	16.7
Simpulan bahasa	4	66.7	1	16.7	1	16.7
Sinonim	5	83.3	0	0	1	16.7
Antonim	4	66.7	1	16.7	1	16.7
Penggunaan kata istilah	0	0	3	50	3	50

Minat dan Sikap Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Jadual 2 menunjukkan sikap responden terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 100 % responden mempunyai kemudahan koleksi bahan bacaan seperti buku-buku, majalah, surat khabar bahasa Melayu di rumah untuk mempelajari bahasa Melayu hasil usaha responden dan keluarga. 50 % responden memiliki kemudahan bilik baca dan manakala 50 % lagi responden tidak mempunyai kemudahan tersebut. 16.7 % responden mempunyai perpustakaan mini dan alat audio-lingual dan 83.3 % pula tidak

memiliki kemudahan tersebut. Bagi kemudahan alat audio-lingual pula 100 % responden tidak dimiliki kemudahan tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu dengan adanya koleksi bahan-bahan bacaan bahasa Melayu. Separuh daripada responden mempunyai bilik baca untuk mempelajari bahasa Melayu juga menunjukkan sikap responden agak baik untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Alat audio-visual merupakan kemudahan yang tidak menarik minat responden untuk menggunakannya dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu, manakala kemudahan perpustakaan mini dan alat audio-lingual juga merupakan kemudahan yang tidak dimiliki oleh majoriti responden. Hal ini menunjukkan bahawa sikap responden terhadap kemudahan tersebut masih lagi pada tahap yang rendah. Ini berkemungkinan responden masih lagi tidak memahami fungsi sebenar atau mengambil kesempatan terhadap kemudahan tersebut untuk membantu menguasai kefahaman bahasa Melayu.

Jadual 2: Jumlah Dan Peratusan Tentang Kemudahan Responen Dalam Membantu Menguasai Kefahaman Bahasa Melayu.

Soalan Tentang Kemudahan	Ada		Tiada	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Bilik baca	3	50	3	50
Perpustakaan mini	1	16.7	5	83.3
Koleksi bahan bacaan	6	100	0	0
Alat audio-lingual	1	16.7	5	83.3
Alat audio-visual	0	0	6	100

Jadual 3 menunjukkan bahawa jumlah dan peratusan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang suka dibaca oleh responden. Sebanyak 66.7% responden suka membaca majalah berbentuk hiburan manakala 33.3% pula tidak suka membaca majalah hiburan. 50% responden suka membaca majalah akademik seperti majalah Dewan Siswa, dan majalah Dewan Masyarakat manakala 50% lagi tidak berminat membaca apa-apa majalah akademik. Hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa separuh daripada responden suka membaca majalah Dewan Siswa dan Dewan Masyarakat kerana majalah ini dapat membantu responden untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu mereka. Majalah akademik ini juga banyak memberi info yang berfaedah tentang penggunaan bahasa dalam pelbagai aspek kepada responden. Di samping itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden suka membaca majalah berbentuk hiburan. Hal ini menunjukkan bahawa responden masih kurang memahami bahawa bahan bacaan berbentuk akademik yang akan memberi sumbangan yang lebih banyak untuk membantu responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu berbanding majalah hiburan yang kebanyakannya tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul.

Jadual 3: Jumlah Dan Peratusan Tentang Bahan Bacaan Yang Dibaca.

Soalan Tentang Bahan Bacaan	Suka		Tidak Suka	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Majalah akademik (Dewan Siswa/Dewan Masyarakat)	3	50	3	50
Majalah berbentuk hiburan	4	66.7	2	33.3

Jadual 4 memberi gambaran tentang jumlah dan peratusan sikap responden terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Bahagian ini menggunakan kategori "ya" atau "tidak" bagi menilai sikap responden terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Sebanyak 100 % responden mengatakan "ya" pada cara dengan membaca surat khabar bahasa Melayu dan belajar sendiri merupakan cara untuk memantap dan memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu mereka. Sebanyak 83.3% mengatakan "ya" dan 16.7 % mengatakan "tidak" pada ruangan membaca buku cerita bahasa Melayu boleh memantapkan lagi penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Bagi ruangan usaha-usaha tertentu yang diambil oleh responden untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu pula sebanyak 66.7 % responden memberi jawapan "ya" manakala jawapan "tidak" sebanyak 33.3 %. Sebanyak 16.7 % responden memberi jawapan "ya" pada ruangan usaha-usaha untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu dengan mengikuti kursus bahasa Melayu manakala 83.3 % lagi memberi jawapan "tidak". Bagi kekerapan mempelajari bahasa Melayu pula sebanyak 33.3 % mengatakan "ya" pada pernyataan amat kerap dan kadang kala manakala 66.7 % lagi mengatakan "tidak". Bagi pernyataan kerap mempelajari bahasa Melayu pula sebanyak 50 % responden mengatakan "ya" manakala 50 % lagi mengatakan "tidak".

Jadual 4: Jumlah Dan Peratusan Sikap Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Soalan Tentang Sikap	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Membaca surat khabar bahasa Melayu	6	100	0	0
Membaca buku cerita bahasa Melayu	5	83.3	1	16.7
Usaha untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu	4	66.7	2	33.3
Mengikuti kursus bahasa Melayu	1	16.7	5	83.3
Belajar sendiri	6	100	0	0
Amat kerap mempelajari bahasa Melayu	2	33.3	4	66.7
Kerap mempelajari bahasa Melayu	3	50	3	50
Kadang kala mempelajari bahasa Melayu	2	33.3	4	66.7

Hasil daripada kajian berdasarkan Jadual 4, maka dapat disimpulkan bahawa responden amat bersetuju pada pernyataan membaca surat khabar bahasa Melayu dan kaedah belajar sendiri merupakan cara-cara lain yang boleh membantu responden untuk memantap serta memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu mereka. Berpandukan pada jawapan responden, hal ini dapat memberi petunjuk bahawa responden memahami hakikat sebenar bahawa melalui pembacaan surat khabar bahasa Melayu dan dengan usaha belajar sendiri boleh membantu untuk menyumbang kepada pemantapan dan dapat memberi faedah yang banyak untuk

menguasai kefahaman bahasa Melayu. Hal ini kerana peranan dan informasi yang berfaedah banyak disalurkan menerusi surat khabar kerana penggunaan bahasa yang mudah, ringkas, tepat, standard dan betul. Majoriti responden menyatakan bahawa membaca buku cerita bahasa Melayu merupakan salah satu cara yang boleh memantapkan kefahaman mereka. Berdasarkan kepada jawapan mereka, jelas menunjukkan bahawa kenyataan ini tidak dapat disangkal kerana melalui pembacaan buku yang berkaitan dengan bahasa Melayu sahaja boleh membantu penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Ini jelas menunjukkan bahawa responden mengambil tindakan yang positif dalam usaha untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Lebih daripada separuh responden mengambil usaha-usaha tertentu untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu dan ini membuktikan bahawa responden sentiasa berfikir positif untuk memperbaiki bahasa Melayu mereka. Di samping itu, separuh daripada responden menunjukkan bahawa mereka kerap mempelajari bahasa Melayu dan ini menjelaskan bahawa separuh daripada responden bersetuju bahawa tindakan mereka tidak merugikan. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa majoriti responden tidak bersetuju untuk mengikuti kursus bahasa Melayu sebagai usaha untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Hal ini demikian, kerana responden tidak didedahkan serta mendapat maklumat tentang kursus bahasa Melayu serta faedah yang bakal mereka perolehi melalui kursus tersebut. Di samping itu, responden merasakan bahawa penguasaan kefahaman mereka tidak berada pada tahap terlalu rendah selain itu tidak berkesempatan untuk mengikuti sesuatu kursus yang dianjurkan.

Motivasi Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Jadual 5 menunjukkan jumlah dan peratusan tentang motivasi responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Motivasi ini terbahagi kepada dua iaitu jenis motivasi integratif dan motivasi instrumental kepada responden berdasarkan soal selidik. Bahagian ini menggunakan kategori "ya" atau "tidak" untuk menilai motivasi integratif responden. Merujuk pada Jadual 5, sebanyak 100 % responden menyatakan jawapan "ya" bagi pernyataan ibu bapa yang mendorong belajar bahasa Melayu, kemudahan perpustakaan, dan guru-guru bahasa Melayu di sekolah yang mendorong menguasai kefahaman bahasa Melayu. Sebanyak 83.3 % pula responden menjawab "ya" bagi pernyataan dengan menyertai aktiviti perbahasan, dan kakak yang merupakan pendorong kepada responden untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Sebanyak 66.7 % responden memberikan jawapan "ya" dengan menyertai ceramah, kemudahan bilik bacaan, rakan sekelas, dan rakan yang lebih tua merupakan pendorong untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Bagi pernyataan "menyertai peraduan menulis adalah salah satu cara menggalakkan penguasaan kefahaman bahasa Melayu", dan pernyataan "abang merupakan salah seorang yang mendorong menguasai kefahaman bahasa Melayu" sebanyak 50 % responden memberikan jawapan "ya" kepada pernyataan tersebut. Sebanyak 100 % responden menyatakan jawapan "tidak" bagi alat audio-lingual dan alat audio-visual di bilik sumber sekolah merupakan kemudahan yang dapat meningkatkan penguasaan kefahaman bahasa Melayu, dan menyatakan datuk dan nenek tidak termasuk sebagai orang yang mendorong dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Sebanyak 83.3 % responden memberikan jawapan "tidak" dengan menyertai peraduan pidato boleh menggalakkan penguasaan bahasa Melayu, dan bapa saudara, emak saudara serta rakan yang lebih muda boleh mendorong responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Sebanyak 66.7 % pula responden menyatakan jawapan "tidak" tentang pembiayaan guru tuisyen oleh ibu bapa untuk membantu menguasai kefahaman bahasa Melayu dan responden memberikan jawapan "tidak" bagi pernyataan bahawa "guru-guru bahasa Melayu di pusat tuisyen merupakan tergolong dalam senarai mendorong responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu.

Motivasi Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu**Jadual 5:Jumlah Dan Peratus Tentang Motivasi Responden.**

Soalan Motivasi Intergratif	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Ibu bapa mendorong belajar bahasa Melayu	6	100	0	0
Guru tuisyen dibiaya oleh ibu bapa untuk menguasai kefahaman Bahasa Melayu	2	33.3	4	66.7
Menyertai peraduan menulis	3	50	3	50
Menyertai peraduan pidato	1	16.7	5	83.3
Menyertai ceramah	4	66.7	2	33.3
Menyertai aktiviti perbahasan	5	83.3	1	16.7
Kemudahan perpustakaan	6	100	0	0
Kemudahan bilik bacaan	4	66.7	2	33.3
Alat audio-lingual di bilik sumber	0	0	6	100
Alat audio- visual di bilik sumber	0	0	6	100
Dorongan abang	3	50	3	50
Dorongan kakak	5	83.3	1	16.7
Dorongan datuk	0	0	6	100
Dorongan nenek	0	0	6	100
Dorongan bapa saudara	1	16.7	5	83.3
Dorongan emak saudara	1	16.7	5	83.3
Dorongan guru Bahasa Melayu di sekolah	6	100	0	0
Dorongan guru Bahasa Melayu di pusat tuisyen	2	33.3	4	66.7
Dorongan rakan sekelas	4	66.7	2	33.3
Dorongan rakan yang lebih tua	4	66.7	2	33.3
Dorongan rakan yang lebih muda	1	16.7	5	83.3

Kesimpulan daripada Jadual 5 menunjukkan bahawa ibu bapa, kemudahan perpustakaan sekolah dan guru-guru bahasa Melayu di sekolah merupakan pendorong utama kepada responden untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Hal ini berlaku kemungkinan ibu bapa dan guru-guru bahasa Melayu merupakan orang yang paling dekat dengan responden untuk membincangkan sesuatu tentang pelajaran bahasa Melayu. Perpustakaan pula memainkan peranan penting kerana membekalkan banyak bahan-bahan bacaan untuk kegunaan responden. Sementara itu, alat audio-lingual dan alat audio-visual di sekolah tidak memberikan apa-apa sumbangan untuk meningkatkan penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Di samping itu, datuk dan nenek juga merupakan antara individu yang tidak terlibat dalam memberi dorongan kepada responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kedua-dua kemudahan peralatan tersebut (alat audio-lingual dan alat audio-visual) jarang digunakan di pusat sumber sekolah manakala datuk dan nenek tidak tergolong dalam memberi dorongan kepada responden kerana mereka berkomunikasi menggunakan bahasa lain (bahasa Ibunda) semasa bertutur dengan responden. Faktor lain kerana mereka tidak tinggal berdekatan jadi komunikasi mereka agak terbatas.

Jadual 6 memaparkan tentang jumlah dan peratusan tentang motivasi responden berkaitan soalan motivasi instrumental. Bagi soalan instrumental pengkaji mengemukakan soalan berbentuk kefahaman. Sebanyak 100 % responden memberikan jawapan tujuan mereka belajar bahasa Melayu kerana untuk lulus ujian, peperiksaan, dan mudah untuk melanjutkan pelajaran.

Jadual 6: Jumlah Dan Peratusan Tentang Motivasi Responden

Soalan Motivasi Instrumental	Jumlah	Peratus (%)
Untuk lulus ujian dan melanjutkan pelajaran	6	100

Pengaruh Faktor Persekitaran Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Jadual 7 menunjukkan tentang jumlah dan peratusan pengaruh faktor persekitaran terhadap responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Soalan 1 dan soalan 2 pengkaji menggunakan kategori 'ya' atau 'tidak' untuk menilai faktor yang mempengaruhi responden. Hasil kajian tersebut dipaparkan berdasarkan pada jadual 7 yang menunjukkan bahawa 50 % responden memberi jawapan "ya" bagi penggunaan bahasa Melayu apabila berinteraksi dengan ibu bapa manakala 50 % lagi responden memberikan jawapan "tidak". Sebanyak 66.7 % responden memberikan jawapan "tidak" tentang filem kegemaran bahasa Melayu di televisyen. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran di rumah terutamanya ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi responden dalam berinteraksi dalam bahasa Melayu. Berdasarkan kajian tersebut, separuh daripada responden ada berinteraksi dengan ibu bapa menggunakan bahasa Melayu manakala separuh lagi responden berinteraksi menggunakan bahasa lain (seperti bahasa Urdu, bahasa Inggeris, bahasa Melanau, bahasa Bedayuh) dengan ibu bapa. Hal ini boleh memberi kesan yang positif dan negatif kepada responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu.

Jadual 7: Jumlah Dan Peratusan Pengaruh Faktor Persekitaran

Soalan Faktor Persekitaran	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Menggunakan Bahasa Melayu berinteraksi dengan ibu bapa	3	50	3	50
Filem Bahasa Melayu yang digemari di televisyen	2	33.3	4	66.7

Berdasarkan hasil kajian menerusi Jadual 7, lebih daripada separuh responden tidak menggemari filem bahasa Melayu di televisyen. Perkara sebegini boleh menyumbang kesan negatif kepada responden dalam menguasai bahasa Melayu.

Faktor Yang banyak Mempengaruhi Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Jadual 8 pula menerangkan tentang jumlah dan peratusan yang banyak mempengaruhi penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Bagi soalan 4, soalan 5, dan soalan 6 pengkaji menggunakan kaedah dengan cara menanda lebih daripada satu jawapan bagi perkara-perkara berkaitan untuk menilai faktor yang memberi pengaruh kepada responden. Bagi soalan

yang berkaitan dengan individu yang selalu bercakap bahasa Melayu dengan responden di persekitaran rumah, sebanyak 83.3 % menandakan Ibu bapa manakala 50 % lagi menandakan abang, kakak, dan saudara mara. Soalan bagi kategori individu yang selalu bercakap bahasa Melayu dengan responden di luar rumah, sebanyak 100 % responden menandakan guru bahasa Melayu di sekolah, 66.7 % menandakan rakan sebaya / rakan sekelas, 50 % menandakan rakan yang lebih tua, manakala 33.3 % lagi menanda guru bahasa Melayu di pusat tuisyen dan rakan yang lebih tua. Bagi soalan yang berkaitan dengan bahan-bahan bacaan di perpustakaan dan di pasaran yang membantu responden menguasai bahasa Melayu, sebanyak 100 % responden menanda cerpen bahasa Melayu, 83.3 % responden menanda surat khabar bahasa Melayu, 66.7 % responden menandakan majalah akademik dan risalah bahasa Melayu. Sebanyak 50 % responden novel bahasa Melayu dan majalah hiburan bahasa Melayu.

Jadual 8: Jumlah Dan Peratusan Yang Banyak Mempengaruhi Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Soalan Tentang Faktor Persekitaran	Jumlah	Peratus (%)
Ibu bapa yang selalu bercakap bahasa Melayu dengan responden	5	83.3
Abang yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	3	50
Kakak yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	3	50
Saudara mara yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	3	50
Guru Bahasa Melayu di sekolah yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	6	100
Guru Bahasa Melayu di pusat tuisyen yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	2	33.3
Rakan sebaya / rakan sekelas yang selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	4	66.7
Rakan yang lebih tua selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	3	50
Rakan yang lebih muda selalu bercakap Bahasa Melayu dengan responden	2	33.3
Novel Bahasa Melayu	3	50
Cerpen Bahasa Melayu	6	100
Majalah akademik	4	66.7
Surat khabar Bahasa Melayu	5	83.3
Risalah Bahasa Melayu	4	66.7
Majalah hiburan Bahasa Melayu	3	50

Hasil daripada kajian berdasarkan jadual 8 dapat disimpulkan bahawa ibu bapa yang banyak memberi kesan dalam menguasai bahasa Melayu kepada responden berbanding abang, kakak, dan saudara mara bagi kategori individu yang banyak bercakap bahasa Melayu dengan responden di rumah. Bagi kategori orang yang banyak bercakap bahasa Melayu dengan responden di luar rumah, responden memilih guru bahasa Melayu di sekolah. Berpandukan pada jawapan ini, maka jelaslah di sini bahawa guru bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam membantu responden menguasai kefahaman bahasa Melayu. Individu yang paling sedikit berinteraksi bahasa Melayu dengan responden di luar rumah pula ialah guru bahasa Melayu di pusat tuisyen dan rakan yang lebih muda. Bagi kategori bahan-bahan bacaan di perpustakaan dan di pasaran yang membantu responden menguasai bahasa Melayu yang

terbanyak ditandakan oleh responden ialah cerpen bahasa Melayu diikuti oleh surat khabar bahasa Melayu manakala novel bahasa Melayu dan majalah hiburan bahasa Melayu yang paling sedikit ditandakan oleh responden. Dapat dirumuskan bahawa cerpen dan surat khabar bahasa Melayu memberi kesan yang banyak dalam mempengaruhi responden untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Ini kerana cerpen dan surat khabar tidak mengambil masa yang terlalu panjang untuk membacanya berbanding novel bahasa Melayu. Sementara itu, majalah hiburan bahasa Melayu bukan menjadi pilihan responden kerana penggunaan tatabahasa serta ejaan bahasa Melayu kadang-kadang tidak betul dan tidak mengikut bahasa Melayu standard.

Dapatan Kajian dan Perbincangan daripada Data Kualitatif

Data kualitatif pula dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif bagi melengkapkan maklumat tentang pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden berdasarkan temubual guru bahasa Melayu dan pemerhatian terhadap responden.

Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Rumusan daripada data kualitatif yang diperoleh hasil temu bual bersama guru Bahasa Melayu terhadap 6 responden menjelaskan bahawa majoriti responden mempunyai tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu yang lebih baik dalam aspek komunikasi bahasa Melayu. Hal ini juga menunjukkan bahawa responden berasa yakin berinteraksi dalam kelas menggunakan bahasa Melayu dan menggunakan tatabahasa yang mudah.

Minat dan Sikap Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Berdasarkan temubual terhadap guru bahasa Melayu tersebut juga menyatakan bahawa majoriti responden suka serta minat terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Guru bahasa Melayu juga menjelaskan bahawa sebahagian yang lain menyatakan minat yang mendalam terhadap mata pelajaran ini adalah kerana keistimewaan serta keunikan bahasa Melayu. Responden turut menyatakan bahawa keinginan mereka untuk terus mempelajarinya dengan lebih mendalam dan dapat mencatat gred yang baik dalam peperiksaan SPM. Dari segi sikap responden terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya menunjukkan keseluruhannya sangat tinggi. Hal ini bermaksud sikap responden terhadap bahasa Melayu menunjukkan positif untuk menerima dan mempelajari bahasa Melayu kerana mempunyai keinginan yang tinggi untuk menguasai bahasa Melayu. Di samping itu, pelbagai faktor sikap ini mempunyai kesan yang sangat tinggi kerana responden mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa terpenting dalam peperiksaan SPM. Namun demikian terdapat juga responden menyatakan rasa kurang minat terhadap mata pelajaran bahasa Melayu disebabkan oleh kesukaran untuk memahaminya serta keliru dengan penggunaan pelbagai istilah tatabahasa Melayu. Ini kerana responden ini lebih selesa dengan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa harian di rumah.

Motivasi Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Tahap Motivasi responden terhadap pembelajaran bahasa Melayu menunjukkan bahawa mereka menyatakan bahawa guru-guru bahasa Melayu di sekolah paling banyak memberi motivasi kepada mereka dan diikuti oleh rakan sekelas. Secara umumnya, dapatan kajian daripada hasil temubual terhadap guru menunjukkan bahawa responden kurang motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Responden memilih motivasi instrumental dengan mengatakan mereka belajar bahasa Melayu dengan tujuan untuk lulus ujian / peperiksaan serta mudah untuk melanjutkan pelajaran.

Pengaruh Faktor Persekitaran Responden Terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Secara umumnya, guru bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam membantu responden menguasai kefahaman bahasa Melayu. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ibu bapa turut banyak memberi kesan dalam menguasai bahasa Melayu kepada responden berbanding abang, kakak, dan saudara mara bagi kategori individu yang banyak bercakap bahasa Melayu dengan responden di rumah. Bagi kategori orang yang banyak bercakap bahasa Melayu dengan responden di luar rumah, responden memilih guru bahasa Melayu di sekolah. Berpandukan pada jawapan ini, maka jelaslah di sini bahawa guru bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam membantu responden menguasai kefahaman bahasa Melayu. Secara amnya persekitaran di sekolah memainkan peranan penting kepada responden dalam penguasaan bahasa Melayu. Di samping itu, persekitaran di rumah dengan ibu bapa memainkan peranan juga menjadi penyumbang kepada tahap penguasaan bahasa Melayu responden.

Dapatan Berdasarkan Pemerhatian di dalam Kelas

Dapatan berdasarkan pemerhatian dalam kelas bahasa Melayu, mendapati bahawa antara punca utama mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu responden adalah datang dari diri responden sendiri. Responden sedar bahawa bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib lulus dalam peperiksaan SPM untuk melayakkan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka percaya bahawa dengan menguasai bahasa Melayu mereka mempunyai banyak kelebihan untuk kerjaya masa hadapan. Berdasarkan pemerhatian juga hampir kesemua responden mempunyai sikap yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu. Namun demikian, terdapat juga dalam kalangan responden tidak memberikan tumpuan yang baik semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kerana kesukaran memahami tajuk dan kurang penguasaan terhadap perbendaharaan kata serta kemahiran tatabahasa bahasa Melayu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden yang mempunyai motivasi yang kurang memberangsangkan kerana kurang semangat untuk belajar mungkin disebabkan faktor-faktor lain yang mempengaruhi mereka. Oleh itu, guru bahasa Melayu diharapkan dapat menyediakan proses sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang lebih kreatif dan dalam suasana yang kondusif. Kesimpulannya, usaha guru dalam menyediakan pelbagai aktiviti yang kreatif dapat menarik minat murid-murid mempelajari bahasa Melayu supaya tahap penguasaan berbahasa mereka mencapai sasaran seperti yang dikehendaki.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan empat kesimpulan yang telah dibuat berdasarkan tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu bagi murid peranakan Pakistan di sebuah sekolah menengah di bahagian Bintulu, Sarawak yang dipilih sebagai sampel kajian. Pertama, tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu responden. Kedua, sikap responden terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Ketiga, motivasi responden terhadap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Keempat, pengaruh persekitaran responden. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa responden mempunyai tahap, sikap, motivasi, dan persekitaran yang berbeza-beza. Lebih separuh daripada murid tersebut bersikap negatif dan berada pada tahap yang rendah terhadap penghasilan puisi dalam bahasa Melayu, diikuti pula penggunaan kata istilah dalam bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan lebih daripada separuh responden berada pada tahap rendah dalam penggunaan bahasa Melayu semasa penghasilan puisi dan penggunaan kata istilah. Responden juga menghadapi masalah dalam penggunaan leksikon, membuat ucapan biasa dan ucapan spontan, penyusunan ayat-ayat, dan penggunaan gaya bahasa dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa sikap,

motivasi, dan persekitaran yang positif dapat meningkatkan tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu. Kenyataan ini dapat dilihat pada jawapan responden pada jadual-jadual tentang jumlah dan peratusan. Sikap, kemudahan, dan persekitaran yang lebih positif yang wujud dalam diri responden menyebabkan tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu mereka lebih baik. Dapatan turut menunjukkan bahawa masalah utama responden ialah gangguan daripada bahasa ibunda masing-masing. Oleh hal yang demikian, responden, ibu bapa, dan guru bahasa Melayu haruslah peka terhadap penggunaan bahasa Melayu sama ada di rumah, luar rumah, dan di sekolah.

Tahap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu Responden

Tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu subjek kajian dianalisis berdasarkan skala tinggi, sederhana, dan rendah yang kemudiannya dijumlah dan diberi peratusan. Tahap penguasaan kefahaman responden berada pada skala tinggi iaitu sebanyak 100 % responden menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur dalam kelas, semasa menggunakan ganti nama, semasa pertuturan dalam bilik darjah, semasa surat-menyurat secara biasa, semasa penggunaan awalan dan akhiran bahasa Melayu, dan semasa penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa responden berasa yakin berinteraksi dalam kelas menggunakan bahasa Melayu dan menggunakan tatabahasa yang mudah. Responden tidak begitu mahir menggunakan bahasa Melayu dalam penghasilan puisi dalam bahasa Melayu kerana ia memerlukan kreativiti dan kata-kata yang puitis untuk mencipta puisi, maka aras itu agak tinggi bagi responden. Daripada data keseluruhan yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa responden mempunyai tahap penguasaan kefahaman bahasa Melayu yang lebih baik dalam aspek komunikasi bahasa Melayu, surat-menyurat secara biasa berbanding surat menyurat secara rasmi, penggunaan imbuhan, dan penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu. Responden masih mempunyai kelemahan penguasaan kefahaman bahasa Melayu dalam penghasilan puisi dan penggunaan kata istilah dalam bahasa Melayu.

Minat dan Sikap Responden terhadap Kefahaman Bahasa Melayu

Dapatan daripada kajian tentang minat dan sikap responden terhadap kefahaman bahasa Melayu menunjukkan bahawa keluarga menyediakan kemudahan koleksi bahan bacaan seperti buku-buku, majalah, surat khabar dan lain-lain untuk mempelajari bahasa Melayu. Ini bermakna sikap keluarga yang positif terhadap penyediaan kemudahan bahan-bahan tersebut telah memberikan gambaran bahawa responden juga mempunyai sikap yang positif untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu. Dapatan daripada kajian tersebut juga memaparkan bahawa minat dan sikap sebahagian daripada responden yang suka membaca majalah akademik seperti Dewan Siswa dan Dewan Masyarakat dan sebahagian lagi tidak suka mencerminkan bahawa mereka masih lagi tidak mempunyai sikap yang positif untuk memperbaiki penguasaan kefahaman bahasa Melayu menerusi pembacaan majalah berbentuk akademik.

Motivasi Responden terhadap Penguasaan Kefahaman Bahasa Melayu

Berdasarkan hasil kajian ini jelaslah bahawa selain sikap, motivasi memainkan peranan yang penting dalam penguasaan kefahaman bahasa Melayu sebagai bahasa kedua responden. Tay Meng Guat (2016) menyatakan bahawa dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap, kesediaan dan motivasi saling berkait. Para responden yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Berdasarkan data-data hasil kajian tentang motivasi, ternyata kedua-dua jenis motivasi tersebut banyak mempengaruhi responden-responden peranakan Pakistan. Berdasarkan motivasi ekstrinsik, kemudahan perpustakaan di sekolah banyak memberi motivasi kepada pelajar untuk menguasai kefahaman bahasa Melayu manakala peralatan

audio-lingual dan audio-visual di bilik sumber langsung tidak memberi sumbangan kepada responden untuk memotivasi mereka dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Berdasarkan motivasi intrinsik pula, guru-guru bahasa Melayu di sekolah paling banyak memberi motivasi kepada responden, diikuti oleh rakan sekelas dan guru-guru bahasa Melayu di pusat tuisyen memberi sumbangan motivasi yang paling sedikit. Hal ini sedemikian, kerana guru-guru bahasa Melayu di sekolah dan rakan sekelas paling banyak masa berdampingan dengan responden berbanding guru bahasa Melayu di pusat tuisyen. Jadi mereka mempunyai banyak masa membantu responden dalam menguasai kefahaman bahasa Melayu. Data kajian ini juga menunjukkan bahawa responden memilih motivasi instrumental dengan mengatakan mereka belajar bahasa Melayu dengan tujuan untuk lulus ujian / peperiksaan serta mudah untuk melanjutkan pelajaran. Menurut Chye, Vijayalecthumy dan Haw (2013), para guru juga perlu memberi sokongan dan dorongan untuk menggalakkan pelajar lebih bermotivasi dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu.

Pengaruh Faktor Persekitaran Responden

Hasil kajian ini menunjukkan persekitaran rumah yang merangkumi interaksi dengan ibu bapa dan pengaruh filem bahasa Melayu di televisyen tidak banyak menyumbangkan pengaruh kepada responden. Ini kerana separuh daripada responden tidak berinteraksi menggunakan bahasa Melayu dengan ibu bapa di rumah manakala lebih dari separuh responden tidak menggemari filem bahasa Melayu di televisyen. Namun, aspek persekitaran seperti bahan bacaan, pergaulan dan bahasa perbualan mampu memainkan peranan besar dalam penguasaan bahasa Melayu responden. Dapatan ini selari juga dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2010), yang mengaitkan faktor umum seperti persekitaran, sikap dan strategi membaca dalam memahami makna teks dianggap menjadi punca mereka gagal dalam menguasai kemahiran peribahasa.

Rujukan

- Abbas Pourhosein Gilakjani. (2016). How Can Students Improve Their Reading Comprehension Skill. *Journal of Studies in Education*, Vol. 6(2), 229-240
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Responden-Responden Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-12.
- Ahmed Hafizainol Bin Ahmed Adris & Karim Bin Harun. (2020). Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu*. 457-477.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Responden di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23 - 30
- Brown, H. D. (1980). *Principles of language learning and teaching*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice- Hall
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Responden Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10-22
- Chew Fong Peng & Fikri Ismail, M. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu responden prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Chye, Vijayalecthumy & Haw. (2013). Peranan faktor esktralinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 4. 231-244.

- Dayang & Wan Muna Ruzanna. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan responden Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.
- Gleitman, H. (1986). *Psychology*. W.W. Norton.
- Gardner, R. C. dan Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. New England: Newbury House
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning*. London: Edward Arnold
- Jamali Ismail (1992). *Sikap, Motivasi dan Pencapaian dalam Pemelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua di Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir dan Aishah Zaharah Ali (1989) Pengajaran bacaan dan pemahaman di peringkat sekolah menengah. *Jurnal Dewan Bahasa*. vol.33 no.12.925-929
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2010). Strategi pembelajaran bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamsiah Abdullah. (2010). *Pendidikan bahasa Melayu di Singapura*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Khairul Nizam bin Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Responden Berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 2319-7722.
- Mohd Hafiz bin Mohamad Tarmizi. (2016). *Tahap Kefahaman Membaca antara Responden Pasca LINUS dan Responden Arus Perdana*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusoff Mat Ali. (2000). *Pengaruh Sikap dalam Pemelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Kalangan Pelajar Melayu*. *Dewan Bahasa* 44:3 Mac, halaman 370-383
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan*. 3-18.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). "Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Kupasan Ilmiah" dlm. *Prosiding Seminar Sehari Persatuan Linguistik Malaysia*, hlm. 1-18. Kuala Lumpur.
- Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari. (2019). Tahap Bahasa Antara Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal IPDA*, 26, 2019.
- Nur Fatin Zulkifli. (2017). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Cina di Sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina Klang*. Kertas Projek Sarjana yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Nur Hayati Abdullah. (2002). "Sikap dan Motivasi dalam Pemelajaran Bahasa Kedua" dlm. *Dewan Bahasa* 2:5 Mei, halaman 45-47.
- Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah & Madeline Pandang (2020). Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 41-51.
- Kiong Ming. (2014). *Tahap Pencapaian Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah di Bintulu, Sarawak*, Master Dissertation. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri, & Rosliah Kiting. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu responden bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33-42

- Suyono.(2000). " *Kemahiran dan Pemerolehan Bahasa Kedua*" dlm. Dewan Bahasa 44:9 September, 989-997.
- Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam. (2016). *Faktor Ekstralinguistik: Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Penutur Bukan Natif*. Jurnal Penyelidikan IPGK BL., Vol. 13. 53-63.
- Theo J.M. Van Els & Mathieu F. Knops (1984). *The History of the Teaching of Foreign Languages in the Low Counties in The History of Linguistics in the Low Countries*. Edited: Jan Noordegraaf, Kees Versteegh & E.F.K. Koerner (1992). John Benjamins com.: Amsterdam/Philadelphia.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid, Karim Harun & Sa'adiah Ma'alip. (2000). " *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua*" dlm. Dewan Bahasa 44:1 Januari, halaman 40-49.
- Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed Sultan.(2010). "Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia" dlm. *Jurnal Linguistik* Edisi Khas 10:48–61.